

PM terawal terima suntikan tingkat keyakinan rakyat

Kuala Lumpur: Pemilihan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai individu pertama menerima suntikan vaksin sudah dibincangkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri.

Pemilihan Perdana Menteri bagi tujuan itu antara lain dibuat selepas menerima kebenaran daripada doktor peribadi beliau.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, berkata pemilihan Muhyiddin adalah bagi membina keyakinan orang ramai berhubung tahap keselamatan vaksin COVID-19.

Katanya, masih ada pihak khuatir terhadap keselamatan vaksin, walaupun ia diuji ke atas puluhan ribu orang sebelum diberikan kepada lebih 100 juta rakyat di seluruh dunia.

"Perdana Menteri hanya berkongsi dengan Jemaah Menteri berkenaan perbincangan yang beliau adakan dengan Presiden Indonesia, Jokowi (Joko Widodo).

"Jokowi memaklumkan beliau ketika menerima vaksin daripada Sinovac, tidak rasa apa-apa, cuma sedikit keletihan. Muhyiddin juga menjangkakan ia kesan sampingan yang bakal dialami.

"Di Malaysia, kita nak beri keyakinan. Kalau ketua kerajaan (Muhyiddin) sudah ambil vaksin dan tiada kesan buruk dan sebagainya, ini boleh meningkatkan keyakinan orang ramai," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Khairy yang juga Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan berkata, pemilihan Muhyiddin itu antara lain dibuat berdasarkan faktor penilaian risiko.

"Perdana Menteri berjumpa ramai orang, setiap hari. Ini membabitkan keadaan di mana beliau dan orang lain terdedah kepada jangkitan (COVID-19).

"Kita sudah buat penilaian risiko, mereka yang sentiasa bersama orang ramai seperti ahli politik dan sebagainya boleh dikira sebagai antara senarai keutamaan," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Ahli Parlimen Rembau itu menyatakan kesediaan untuk mengadakan pertemuan dengan wakil Pakatan Harapan (PH) dari semasa ke semasa.

Bagaimanapun, beliau memaklumkan, struktur Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) pada peringkat negeri turut membabitkan ahli politik daripada PH.

"Di Selangor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang, mereka (PH) adalah kerajaan negeri, jadi tidak timbul mereka tidak terbabit (dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan)," katanya.